

20 MAY 1997

Anwar-Melaka

KETUA MENTERI MELAKA BARU DIUMUM DALAM MINGGU INI

KUCHING, 20 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka yang baru akan diumumkan dalam minggu ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Pemangku Perdana Menteri berkata beliau masih memikirkan tentang nama Ketua Menteri yang baru itu dan memerlukan sedikit masa lagi sebelum mengumumkannya.

"Saya akan umumkan tidak lama lagi, okay...dalam minggu inilah," katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di akhir lawatan kerja sehari ke Sarawak.

Beliau ditanya mengenai nama pengganti Datuk Haji Mohd Zin Abdul Ghani yang meninggal dunia di Kuala Lumpur minggu lepas setelah diserang angin ahmar.

Ketika diajukan soalan itu, Anwar sambil tersenyum berkata : "Setakat ini belum ada nama dikemukakan untuk mengisi kekosongan tersebut kerana selalu bila ada kekosongan, banyak cadangan nama dikemukakan."

Ditanya sama ada calon bagi jawatan tersebut boleh diisi oleh anggota exco, anggota Dewan Undangan Negeri dan Anggota Parlimen, beliau berkata tidak ada undang-undang yang menghadkan.

"Sebab itu Perdana Menteri cadang pemberita bertanding dalam pilihan raya kecil," katanya disambut gelak ketawa.

Ketika ditanya sama ada pelantikan Ketua Menteri Melaka akan menggunakan "formula Selangor" memandangkan tiga anggota exco Melaka sedang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR), beliau menjawab: "Kita ambil formula Pulau Pinang dan Sarawak untuk selesai masalah Melaka."

Dalam pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar sebagai pengganti Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang melepaskan jawatan itu berikutan kesnya yang masih menunggu perbicaraan di mahkamah Australia kerana tuduhan tidak mengisytiharkan wang yang nilainya bersamaan RM2.4 juta ketika hendak meninggalkan negara itu awal tahun ini.

Ketika ditanya apakah kriteria bagi pelantikan Ketua Menteri Melaka baru beliau berkata seseorang itu mestilah pemimpin yang boleh berkhidmat dengan baik.

Anwar juga berkata jentera Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kemena berjalan kemas.

Anwar berkata jentera BN negeri bekerja sebagai satu pasukan yang padu dan BN tidak memandangkan pilihan raya kecil secara ringan sambil menyerah kepada kebijaksanaan pengundi.

Dalam pilihan raya kecil Kemena pada 24 dan 25 Mei ini, calon BN Datuk Celestine Ujang akan berdepan dengan calon DAP Chiew Chiu Sing.

"Jika dilihat dalam kepimpinan dalam BN dan masa depan, mereka akan beri sokongan pada calon BN," katanya. -- BERNAMA

RDY MAI